



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
JABATAN TENAGA ATOM

SIARAN MEDIA
JABATAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PELEPASAN AIR TERAWAT DARI *ADVANCED LIQUID PROCESSING SYSTEMS (ALPS)* FUKUSHIMA, DAIICHI

DENGKIL, 25 Ogos 2023 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) yang bertindak selaku badan kawal selia tenaga atom di Malaysia sentiasa menjadikan *Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA)* sebagai rujukan utama dalam melakukan aktiviti kawal seliaan.

Merujuk kepada pelepasan air terawat oleh Kerajaan Jepun ke Lautan Pasifik, IAEA membuat kesimpulan bahawa pendekatan dan aktiviti untuk melepaskan air yang dirawat *Advanced Liquid Processing Systems (ALPS)* adalah konsisten dengan piawaian keselamatan antarabangsa yang berkaitan. IAEA dalam dapatannya melaporkan bahawa pelepasan air terawat ke laut adalah terkawal, dilakukan secara berperingkat dan mempunyai kesan radiologi yang boleh diabaikan kepada manusia dan alam sekitar.

MOSTI melalui Atom Malaysia dengan kerjasama Kesatuan Eropah telah melakukan pemasangan *Gamma Spectrum Water Monitoring Station* (GSWMS) untuk memantau sebarang peningkatan aras keradioaktifan secara “*real-time*” di perairan negara sebagai pengesanan amaran awal. Data dari stesen ini dipantau 24 jam dan 7 hari seminggu (24/7) di Pusat Pengurusan Tindakbalas Nuklear Kebangsaan (NCNRM) di Ibu Pejabat Atom Malaysia, Dengkil, Selangor. Berdasarkan pemantauan semasa oleh Atom Malaysia, tiada peningkatan aras keradioaktifan di perairan negara dikesan pada ketika ini daripada aktiviti tersebut.

MOSTI memandang berat kerisauan rakyat dan akan memantau tahap keradioaktifan perairan negara dengan rapi menerusi Atom Malaysia.

TAMAT

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN TENAGA ATOM
25 OGOS 2023**



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ATOMIC ENERGY
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

ADVANCED LIQUID PROCESSING SYSTEMS (ALPS)
TREATED WATER RELEASE FROM FUKUSHIMA DAIICHI

DENGKIL, 25 August 2023 - The Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) through the Department of Atomic Energy (Atom Malaysia) as the regulatory body for atomic energy in Malaysia always recognize the International Atomic Energy Agency (IAEA) as the main reference in carrying out regulatory activities.

Referring to the release of treated water by the Government of Japan into the Pacific Ocean, the IAEA concluded that the approach and activities for releasing treated water Advanced Liquid Processing Systems (ALPS) were consistent with relevant international safety standards. The IAEA in its findings reported that the release of treated water into the sea is controlled, carried out in stages and has negligible radiological effects on humans and the environment.

MOSTI through Atom Malaysia in collaboration with the European Union has installed a Gamma Spectrum Water Monitoring Station (GSWMS) to monitor any increase in radioactivity levels in real-time in national waters as an early warning detection. Data from this station is monitored 24/7 at the National Centre for Nuclear Response Management (NCNRM) at Atom Malaysia Headquarters, Dengkil, Selangor. Based on the current monitoring by Atom Malaysia, there is no increase in the level of radioactivity in national waters at this point in time from the said activity.

MOSTI takes the people's concerns seriously and will closely monitor the level of radioactivity in the national waters through Atom Malaysia.

END

**CORPORATE COMMUNICATION UNIT
DEPARTMENT OF ATOMIC ENERGY
25 AUGUST 2023**